

Alam Wanita

Kedudukan Wanita Dalam Islām

(Oleh: Ustazah Kamsiah binti Yassin)

“ bila suami dan isteri itu bersama-sama mengikut peraturan-peraturan yang terkandung di dalam hukum-hukum Islām, sama-sama bertimbang rasa, sama-sama bertolak ansur, tentulah rumah tangga itu menjadi syurga”

Demikian kata Ustazah Kamsiah dari ‘PERGAS’ (Persatuan Guru-Guru Agama Singapura) dalam syarahannya di Radio Singapura baharu-baharu ini. Isi syarahannya itu seperti berikut.

Wanita Dalam Sejarah

Kalau kita balik-balik gambaran sejarah wanita dari dahulu hingga sekarang, maka ternyatalah bahawa wanita itu telah menempuh masa yang berbagai-bagai corak. Pada suatu masa dia dipandang sebagai benda yang tidak berguna. Pada lain waktu disembah sebagai dewa, pada masa yang lain pula telah meningkat kepada persamaan pada keseluruhannya dengan tidak kecuali sama sekali dengan lelaki.

Tujuan saya bukanlah hendak mengupas satu persatu tentang perubahan tersebut, tetapi hanyalah hendak mengemukakan dengan serba ringkas bagaimana kedudukan yang sebenarnya bagi wanita di dalam Islam. Satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa pada masa wanita-wanita lain masih dipandang sebagai barang permainan dengan tidak diberi hak bersuara dalam rumah tangga apalagi dalam masyarakat, maka agama Islam

telah memberikan kedudukan yang istimewa di dalam serba serbi lapangan. Islam telah mendorong umat manusia lelaki dan perempuan menuntut ilmu setinggi-tingginya setakat mana yang terdaya olehnya. Sebab ilmu pengetahuan itu ialah punca bagi kemajuan sesuatu bangsa.

Kemajuan Wanita Meningkat Tinggi

Semenjak agama Islam berkembang, maka kaum wanita dari sehari ke sehari telah beransur-ansur merentang sejarah yang gilang-gemilang, sesuai dengan perkembangan fikiran manusia di dalam zamannya. Di antaranya ada yang menjadi ahli dalam ilmu bahasa, sastera, ilmu bintang, ilmu *siyāsah*, bahkan tidak kurang yang ahli dalam ilmu hadis dan ilmu tafsir yang dapat menjadi pedoman bagi seluruh umat Islam hingga ke masa ini dan seterusnya untuk masa akan datang. Di seluruh pelusuk dunia, banyak di antara wanita-wanita itu memegang peranan yang penting di tengah-tengah masyarakat. Cubalah

tinjau ke negeri-negeri Mesir, Turki, Pakistan, Iran, Indonesia dan lain negeri-negeri Islam, akan didapati bagaimana wanita-wanita Islam itu menceburkan diri di dalam serba lapangan, dengan tidak putus-putus, pergi dan datang silih berganti.

Tidak kurang pula dari mereka itu yang menjadi mahaguru, yang murid-muridnya bukan sahaja dari kaum wanita-wanita bahkan termasuk juga kaum lelaki. Selain dari itu banyak pula yang telah menulis buku yang berbagai jenis yang mengandungi pengetahuan yang sangat berguna. Agak susah bagi saya untuk menyebutkan nama-namanya satu persatu, kerana terlalu banyak

Agama Tidak Menyekat Wanita

Oleh yang demikian, adalah salah sekali sekiranya ada orang yang menganggap bahawa wanita disekat oleh agama untuk mencapai kemajuan dan pengetahuan. Dalam ibadat pula, seperti sembahyang, berpuasa, naik haji dan lain-lain, kaum wanita mendapat pahala yang sama dengan lelaki.

Kalau ada kita lihat sekarang terutama di negeri kita bahawa wanita Islam lebih mundur dari wanita yang bukan Islam, maka itu bukanlah agama Islam yang menghalang mereka, akan tetapi mempunyai sebab-sebab yang yang berlainan antara seorang dengan yang lain. Boleh jadi disebabkan masyarakat yang belum memberi nilai yang tinggi terhadap pengetahuan, mungkin kerana kebebasan menuntut ilmu belum luas diberikan oleh ibu bapa, mungkin kerana rendahnya taraf penghidupan mereka, ataupun kerana kurangnya kesedaran wanita itu sendiri. Sebab-sebab yang seperti itu telah sering

menimpa wanita kita.

Bagaimanapun, tidaklah hak dan kewajiban wanita di dalam Islam serupa langsung dengan lelaki melainkan ada juga beberapa perkara yang terkecuali di antaranya bagi wanita itu ada hak dan kewajiban yang lebih banyak daripada kaum lelaki, dan ada yang kurang, begitulah juga sebaliknya. Ini ialah untuk menyesuaikan keadaan semula jadi wanita yang memang berlainan daripada kaum lelaki.

Misalnya wanita itu tidak diharuskan menjadi kadi, sebabnya bukanlah kerana tidak ada wanita yang layak dan sanggup menjalankan tugas itu, tetapi kerana tugas yang demikian tidak sesuai dengan jiwa dan peribadi seorang wanita. Bagaimana pun pandainya wanita itu, tetapi pada satu-satu waktu ia akan menempuh tingkatan untuk menjadi seorang ibu. Dan pada umumnya keadaan wanita yang sedang mendekati saat menjadi ibu itu, menghadapi perubahan-perubahan yang kadang-kadang tidak dapat dikendalikannya. Ia sering dipengaruhi oleh perasaan-perasaan yang berupa sentimen pada satu-satu waktu dapat mengalahkan pertimbangan akalannya. Maka sekiranya wanita dalam keadaan yang seperti ini dikehendaki menjatuhkan hukum atau nasihat, maka besar kemungkinan dia tidak akan dapat menjatuhkan hukum dan memberi nasihat yang seadil-adilnya.

Demikian jugalah dengan soal kekuasaan untuk menjatuhkan cerai kalaulah kepada wanita diletakkan kuasa menjatuhkan talak itu, maka jika wanita itu berada dalam keadaan yang dikatakan tadi, akan terjadilah penceraian yang berpuluh-puluh kali ganda bilangannya daripada yang kita dapati sekarang.

Layanan Lelaki Terhadap Wanita

Akmal al-mu'minīn imānan aḥsanhum khuluqan, wa khiyārukum

Memang ada juga lelaki yang kejam, dan tidak bertimbang rasa serta menggunakan kekuasaan yang ada di tangannya pada bila-bila masa yang dikehendakinya, tetapi itu bukanlah kesalahan agama yang memberi kekuasaan itu, melainkan adalah sifat kejam dan durjana yang timbul dari kebuasan orang yang tidak mempergunakan peri kemanusiaan dan pertimbangan akalnyanya. Padahal agama dengan terang menyatakan dalam hadis Nabi *ṣallā Allāh 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* yang berbunyi:

khiyārukum li nisā'ihim.

Ertinya: “Sesempurna-sempurna orang yang beriman ialah orang yang baik kelakuannya. Dan yang sebaik-baik kamu ialah orang paling baik terhadap isteri-isterinya.” (hadis ḥassan ṣaḥīḥ, diriwayatkan oleh Imām al-Tirmidhī)

Abu Hurairah meriwayatkan pula, bahawa Nabi *ṣallā*

Allāhu 'alayhi wa 'ālihi wa sallam bersabda:

Mā akram al-nisā' illā karīm wa lā ahānahunna illā la'īm.

Ertinya: “Hanya orang yang mulia yang akan memuliakan



Beribu-ribu kaum muslimin Singapura telah mengambil bahagian dalam perarakan kerana merayakan Hari Mawlid al-Nabiyy.

Dalam gambar kelihatan kumpulan “al-Waḥdat al-‘Arabiyyat” yang telah turut serta bersama-sama dengan berpuluh-puluh pasukan yang lain.

wanita, dan orang yang hina yang akan menghinakan wanita.”

Oleh yang demikian, jika lelaki itu betul-betul seorang Islam yang sebenar-benarnya, tentulah ia akan mengendalikan rumah tangganya dengan sebaik-baiknya dan dengan penuh timbang rasa. Dan dia tidak akan membuat keputusan terburu-buru dan sentiasa berfikir dengan penuh keinsafan bahawa dia ialah seorang ayah dan seorang suami, tempat anak dan isterinya menggantungkan harapan untuk masa yang akan datang.

Tingkah Laku Wanita

Tetapi bagaimanapun, terjadinya keruntuhan rumah tangga itu bukan hanya disebabkan oleh kekejaman suami-suami, malahan tidak kurang pula yang disebabkan oleh tingkah laku wanita. Ada wanita yang tidak menghiraukan kewajibannya sebagai seorang isteri, dan melakukan perbuatan yang menyakitkan hati suaminya. Ada yang suka berleter sehingga suaminya bosan untuk duduk di rumah, di antaranya ada pula yang terlampau cemburu yang tidak berasas dan menuduh-nuduh suaminya berlaku serong, padahal belum diselidikinya lebih lanjut, betul atau tidak. Dan ada juga wanita yang asalkan bertengkar sedikit sudah meminta cerai daripada suaminya.

Oleh yang demikian, bila suami dan isteri itu sama-sama mengikut peraturan-peraturan yang terkandung di dalam hukum-hukum Islam, bertimbang rasa, sama-sama bertolak ansur, tentulah rumah tangga itu akan menjadi syurga bagi mereka, walaupun hidup dalam keadaan yang serba kurang. Pertengkar yang kecil janganlah diperpanjang sehingga menyebabkan cerai-berai dan anak-anak menjadi korbannya. Maaf memaafkan antara satu sama lain,

itulah jalan yang sebaik-baiknya.

Soal Nafkah

Dalam soal memberi nafkah pula, hanyalah kepada lelaki sahaja ditanggungkan. Wanita tidak diwajibkan memberi nafkah kepada suami dan anak-anak, bahkan tidak untuk dirinya sendiri. Ini ialah sebagai imbalan bagi tanggungan wanita yang tidak dapat dibantu oleh kaum lelaki walaupun dia rela membantunya. Tetapi tidak pula dilarang kalau wanita itu suka membantu kehidupan rumah tangganya dengan kehendak hatinya sendiri dengan jalan yang halal, dengan tidak melanggar kesopanan dan tidak dilarang oleh suaminya.

Pakaian Wanita

Cuba kita masuk pula kepada soal pakaian, di sini akan nyata bagi kita bahawa pakaian lelaki dan perempuan tidak dapat disamakan. Bagaimanakah akan dapat diserupakan pakaian antara keduanya dan bagaimanakah akan dapat disamakan (sedang kedua-dua jenis itu mempunyai had aurat yang berasing-asing?). Wanita, mempunyai bentuk badan yang berbeza dengan lelaki. Wanita tidak mempunyai perasaan apa-apa ketika melihat tubuh lelaki yang terdedah, sebaliknya tidak demikian halnya seorang lelaki yang melihat tubuh wanita yang terdedah. Oleh kerana inilah agama Islam mewajibkan wanita menutup tubuhnya bagi menghindarkan keruntuhan akhlak umat Islam seluruhnya. Tentang ini, bolehlah wanita memakai apa juga fesyen pakaian yang sesuai dengan aliran zaman, asalkan tujuan berpakaian itu tidak diabaikan, iaitu tidak memperlihatkan sebahagian auratnya dan susuk badannya. Satu hal yang penting ialah bahawa wanita tidaklah dibenarkan memakai pakaian yang serupa dengan

pakaian lelaki dan begitu juga sebaliknya. Dalam hal ini Nabi *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* telah menjelaskan di dalam hadisnya:

La ‘ina Allāh al-mutashabihāt min al-nisā’ bi al-rijāl wa al-mutashabihīn min al-rijāl bi al-nisā’. (rawāhu al-Tirmidhī)

Ertinya: “Mengutuki Allāh Ta‘alā akan wanita yang berlagak menyerupai lelaki, dan lelaki yang berlagak menyerupai wanita.”

Kesimpulan

Demikianlah di antara hukum, hak dan kewajipan yang berbeza yang ditentukan oleh Islam terhadap kaum wanita dan kaum lelaki. Kalau kita perhatikan hal ini dengan saksama, maka kita akan mengetahui bahawa Islam telah mempertimbangkan dengan teliti hinggalah kepada perkara yang halus-halus yang sering dilupakan. Kita tentu mengakui bahawa hukum-hukum Islam itu sesuai dengan sebarang keadaan sehingga tidak perlu ditambah dan dikurangi. Di sini dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa kedudukan wanita dalam Islam ialah bahawa wanita itu bukannya patung atau dewa, tetapi ialah sejenis makhluk yang sama tarafnya dengan kedudukan kaum lelaki, dan hanya kewajipannya saja yang berbeza. Perbezaan itu tidaklah menjadi satu kehinaan, melainkan meletakkan sesuatu pada tempatnya. Memang sudah pada tempatnya kalau yang kuat itu melindungi yang lemah, dan memang patut kalau kewajipan-kewajipan itu dipikulkan kepada orang yang jiwa dan peribadinya sesuai dengan kewajipan itu. Apakah yang kita kehendaki selain daripada perdamaian dan kesejahteraan bagi kedua jenis manusia itu? Bagi lelaki Tuhan berfirman:

al-rijālu qawwamūna ‘ala al-nisā’

Ertinya: “Kaum lelaki itu pemimpin bagi kaum wanita.”

Dan bagi kaum wanita pula Nabi telah bersabda. *“al-jannat tahta aqdām al-ummahāt”.*

Ertinya: “Syurga itu di bawah telapak kaki kaum ibu.”

Tidakkah itu satu keadilan yang tiada tolok bandingnya?

Sekarang telah nyata bahawa tempat kita sudah ada, hanya tinggal lagi untuk melayakkan diri kita supaya sesuai dengan tempat tersebut.

Mudah-mudahan kita sama ada lelaki atau wanita, akan dapat menjalankan kewajipan kita dengan sebaik-baiknya sehingga terbentuknya masyarakat yang aman damai yang direndai oleh Allāh *Subhānahu wa Ta‘alā*.

Kita kaum wanita haruslah sedar bahawa persamaan hak dan wajipan yang tidak berkecuali itu hanyalah merugikan kita. Tentu pernah mendengar bahawa di setengah negeri yang wanitanya mempunyai hak dan kewajipan yang sama rata dalam serba-serbinya itu keadaannya adalah lebih buruk. Kalau lelaki mengerjakan pekerjaan yang berat-berat seperti menggali bijih, membina jalan raya, mengecat bangunan yang tinggi-tinggi, dan lain-lain yang seumpama itu, maka wanita juga turut sama mengerjakannya dengan tidak ada kecualinya.

Oleh sebab itu, marilah kita bernaung di bawah panji-panji Islam dengan perasaan lega dan puas hati serta penuh kepercayaan bahawa agama Islam sentiasa memberi kita peluang dalam perkara yang kena pada tempatnya.